

## Aktiviti sosial tidak mudah dilaksanakan tanpa usaha gigih

KOTA KINABALU: Aktiviti sosial tidak mudah dilaksanakan tanpa usaha gigih, komitmen dan sokongan semua pihak yang terlibat.

Pengarah Kemajuan Pelajar dan Kurikulum, Universiti Malaysia Sabah (UMS) Prof. Madya Dr. Shariff AK Omang yang mewakili Naib Canselor berkata, pelaksanaan aktiviti sosial hari ini kadang kala dipaksarela untuk dijadi rela bagi memenuhi matlamatnya.

"Ini mungkin disebabkan kurang publisiti oleh pihak penganjur dan yang mana perlu kena turun padang menjelaskan hasrat mereka untuk mendapatkan penyertaan optima di sasaran tertentu," tambahnya.

Dr. Shariff berkata demikian pada Majlis Penghargaan dan Penyerahan Pakaian Terpakai sempena Kempen Kampus Penyayang 2003 anjuran Jabatan Hal Ehwal pelajar UMS, Persatuan Mahasiswa UMS dan Jawatankuasa Kebajikan Mahasiswa UMS dengan kerjasama Hospital Queen Elizabeth (HQE) dan Persatuan Bulan Sabit Merah Malaysia (PBSMM) Cawangan Sabah di Galeri Bangunan Canselor di situ pada malam Khamis lalu.

Antara orang kenamaan yang hadir termasuklah Pengarah HQE Datin Dr. Rahimah Md Said, Pengarah PBSMM Sabah, Steven Y.S. Lim dan Ketua Pengarah Program, Mohd Soffian Osman.

"Pendidikan generasi muda hari ini bukan sahaja tertumpu pada akademik malah aktiviti-aktiviti sosial juga perlu diberi keutamaan selaras dengan hasrat



**DR. Shariff (kiri) menyerahkan secara simbolik pakaian terpakai kepada Steven sambil diperhatikan Soffian.**

kerajaan membentuk masyarakat yang kukuh, berilmu dan penyayang," katanya lagi.

Beliau juga mengingatkan bahawa aktiviti sosial kempen Menderma Darah dan Kutipan Pakaian Terpakai perlu melibatkan masyarakat sekitar secara menyeluruh kerana ia adalah tanggungjawab

bersama semua pihak.

Terdahulu, Soffian dalam ucapannya memberitahu seramai 1,146 pelajar menderma darah dan sebanyak 20 kotak pakaian terpakai berjaya dikutip di kalangan pelajar dan kakitangan UMS sempena kempen tahun ini yang berlangsung pada 1-31 Julai lalu.